



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**26 Januari 2021  
13 Jamadilakhir 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Rezeki ikan masin
Kosmo !	• 100 guni benih kerang gagal diseludup
Sinar Harian	• OKU tanpa tangan ternak ikan keli
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
The Borneo Post	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		20	26/11/2021



HM MLS eo  
26/11/2021

### Rezeki ikan masin

**WARGA emas**, Jamilah Shari, 64, menyusun ikan gelama yang direndam air garam atas jaring untuk menghasilkan ikan masin sebelum dipasarkan ketika tinjauan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di Kampung Sungai Kajang Baru, Tanjung Karang, Kuala Selangor, semalam. Jamilah berkata, penjualan ikan masin itu adalah sumber pendapatannya sejak 2001 dan mendapat tempat di hati penggemar ikan masin di merata tempat. Pendapatan hasil jualan ikan masin itu sebelum wabak Covid-19 mencecah hingga RM3,000 sebulan namun sejak pelaksanaan PKP tahun lalu hasil jualannya menurun kepada RM500 sebulan. Katanya, penjualan ikan masin mula merosot apabila aktiviti rentas negeri tidak dibenarkan bagi mengekang penularan Covid-19 tahun lalu. Hal itu menyebabkan hasil jualannya merosot kerana pembeli ikan masin bukan datang dari dalam kampung ini sahaja, tetapi membabitkan merata tempat seperti Shah Alam, Klang dan ada juga yang datang dari negeri lain. Bagaimanapun, Jamilah tetap meneruskan penghasilan dan jualan ikan masin seperti biasa untuk pelanggan di dalam kampung demi kelangsungan hidupnya sekeluarga.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		17	26/1/2021

KOSMO WING 17 26/1/2021

# 100 guni benih kerang gagal diseludup

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SABAK BERNAM** – Cubaan kali pertama seorang pemandu lori disyaki bagi menyeludup 100 guni benih kerang seberat 1.7 tan dengan upah RM250 gagal selepas diberkas di Simpang 3, Sungai Lang, Sekinchan di sini baru-baru ini.

Penangkapan suspek berusia 30-an itu dilakukan kira-kira pukul 12.30 tengah hari pada Sabtu lalu selepas Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Selangor mengesan lori tersebut dalam keadaan mencurigakan di kawasan berkenaan.

Pengarah Perikanan Selangor, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, siasatan awal mendapati pemandu lori tersebut dibayar kira-kira RM250 bagi sekali perjalanan membawa benih-benih kerang yang disyaki dicuri di sepanjang perairan pantai daerah ini.

Katanya, siasatan turut mendapati ini merupakan kali pertama pemandu lori tersebut cuba menyeludup benih kerang berkenaan.

"Hasil pemeriksaan menemui sebanyak 100 guni benih kerang seberat 1.7 tan di bahagian belakang lori tersebut yang dibawa tanpa sebarang dokumen sah daripada Jabatan Perikanan."

"Berat seguni benih kerang itu adalah 17 kilogram dengan nilai rampasan termasuk lori di-



SEBANYAK 100 guni benih kerang (gambar atas) seberat 1.7 tan yang dirampas di Sekinchan oleh Jabatan Perikanan Selangor baru-baru ini.

anggarkan RM150,000," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Katanya, kegiatan mencuri benih kerang penyeludupan ini kebiasaannya dilakukan mengikut musim benih kerang di Selangor antara pertengahan Novem-

ber hingga Februari tahun ini.

Difahamkan benih kerang itu kemudian diseludup ke Thailand.

Tegasnya, kesemua barang rampasan termasuk suspek kini ditahan sementara di Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor untuk siasatan.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	19	26/1/2021

## WARNA-WARNI KEHIDUPAN



SA M15 19 26/1/2021

# OKU tanpa tangan ternak ikan keli

Beralih usahakan ikan keli selepas pendapatan sebagai tukang jahit merosot susulan pandemik Covid-19

MACHANG

Meskipun dilahirkan tanpa kedua-dua belah tangan, Rahim Yusoff tidak mahu terus berpeluk tubuh mengenangkan nasib dirinya, malah berusaha mencari rezeki halal bagi menyara keluarga.

Rahim, 54, yang lebih mesra dikenali sebagai Pok Su Mie berkata, beliau beralih angin untuk mengusahakan ternak ikan keli selepas pendapatannya sebagai tukang jahit merosot susulan penularan wabak Covid-19 di Malaysia.

"Sejak penularan Covid-19 pada Mac lalu, pendapatan saya sebagai tukang jahit sangat merosot sehingga untuk mendapatkan sekitar RM100 sebulan hasil menjahit puasat memerlukan berbanding sebelum ini, saya mampu memperoleh sekitar RM20 sahaja."

"Disebabkan itu, saya terpaksa mencari alternatif lain dengan menernak ikan keli bagi menyara kehidupan bersama isteri, Noraidah Hamzah, 46 yang merupakan orang kurang upaya (OKU) fizikal dan tiga orang anak berusia antara lapan hingga 17 tahun," katanya di rumahnya di Kampung Bukit Pengtolong, Machang.

Bercerita lanjut, Rahim berkata, idea untuk menernak ikan



Soorang neologgi, Zulkifli Abdul Rahman, 52, memberi ikan keli daripada Rahim.

air tawar timbul apabila beliau melihat gelung simen terbari di kawasan sekitar rumahnya.

"Sebanyak 14 gelung simen yang berada di kawasan sekitar rumah saya digunakan bagi me-nahan pasir sebagai benteng, namun ia seakan-akan terbari begitu sahaja."

"Bagi memanfaatkannya, pada awal September lalu, saya membeli sebanyak 300 benih ikan keli berharga 20 sen setiap satu dan 100 benih ikan tilapia berharga 5 sen yang dibeli daripada Jabatan Perikanan Kuala Krai dengan modali permu-laan sekitar RM300 termasuk kelengkapan untuk menernak ikan," katanya.

Bagaimanapun, usaha pen-ternakan ikan air tawar beliau itu berdepan masalah sehingga menyebabkan ikan-ikan ternakannya mati.

Belajar daripada kegagalan itu, Rahim mengikuti kursus aquaponik yang dijalankan Persatuan Pertanian Kelantan

(Alami) secara percuma kepada golongan OKU untuk mengu-sahakan perternakan ikan.

"Saya menernak ikan tanpa mengetahui selok-belok penter-nakan sehingga menyebabkan kira-kira 250 ikar keli dan ikan tilapia yang dipelihara mati, namun ia tidak mematahkan semangat saya."

"Saya mendapati penjagaan ikan tilapia agak rumit dan sen-sitif berbanding ikan keli, jadi bagi mengelak daripada terpaksa menanggung kerugian, saya mengambil keputusan tidak lagi menernak ikan tilapia," kata-rna.

Rentetan itu, Rahim menyediakan perunitukan sebanyak RM80 bagi membeli pelet makanan ikan keli untk stok sehingga tiga bulan bagi 300 ekor ikan yang ditemakknya. selain perlu mencuci air ternakan ikan setiap dua hari.

"Hasil ternakan ikan keli peringkat pertama, saya mampu menjual hampir 200 ekor ikan



Rahim membaca pesanan pelanggan menggunakan telefon bimbit yang masih menunjuk ikan keli.



Rahim mengambil beberapa ekor ikan keli yang dia lesen pelanggan dengan menggunakan pernak di rumahnya di Kampung Bukit Pengtolong, Machang.

ekeli iaitu sekitar 15 kilogram kepada penduduk sekitar pada harga RM7 sekilogram.

"Melihat kepada pasaran jualan, ia memberi semangat kepada saya untuk mengembangkan ternakan ikan keli ini

dan saya merancang menernak ikan patin dalam tempoh terdekat," katanya yang turut menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM450 dan isterinya sebanyak RM350. - Bernama